



# جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara

Kompleks Seri Negeri

Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh

75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333

Faks : 06-231 6489

Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM(KPS)125.Jld.2 (54)

Tarikh : 23 Disember 2020

Bersamaan : 8 Jamadilawal 1442H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab  
Negeri Melaka  
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk/Tuan/Puan,

## SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.10 TAHUN 2020 BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka Bilangan 26 Tahun 2020 (MMKN P.14 Bil.26/2020) pada 23 Disember telah bersetuju meluluskan Pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2020 kepada semua Penjawat Awam Negeri Melaka sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00. Surat edaran mengenai Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kerajaan Negeri Melaka dengan rujukan JKMM.BPSM.100-1/8/4 Jld.3(11) bertarikh 23 Disember 2020 hendaklah dirujuk.

3. Pembayaran BKK bersamaan setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 akan dibayar secara berperingkat iaitu **bayaran pertama selewat-lewatnya pada 25 Disember 2020** dan **bayaran kedua pada tarikh pembayaran gaji Januari 2021**.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada pihak YBhg.Datuk/Tuan/Puan adalah diperlukan untuk mematuhi tatacara pembayaran yang ditetapkan.

5. Berikut adalah tatacara pembayaran yang perlu dipatuhi:-

5.1 **Bayaran BKK1 Tahun 2020** – Bayaran pertama iaitu selewat-lewatnya pada 25 Disember 2020:-

5.1.1 Melalui *Payroll*

i) Jabatan dikehendaki untuk mengemaskini maklumat bantuan khas di sistem iSPEKS melalui:-



- **Modul Gaji**
  - **Proses Bonus/Bantuan Khas/Premium/APC**
  - **Kemaskini Maklumat Bonus/ Bantuan Khas/ Premium/APC**

- ii) Kemaskini dengan memastikan nama pegawai yang layak dan amaun yang perlu dibayar. Kelayakan pegawai perlu dirujuk kepada surat edaran JKMM.BPSM.100-1/8/4 Jld.3(11) bertarikh 23 Disember 2020 seperti lampiran.
- iii) Pengemaskinian maklumat perlu dibuat oleh PTJ **selewat-lewatnya pada 22 Disember 2020 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengahari.**
- iv) Cetak Laporan gaji G004 (Senarai Edit Pembayaran Bonus) yang telah diedit 2 salinan dan **disahkan** oleh Ketua Jabatan. Satu salinan untuk simpanan dan semakan PTJ, dan satu salinan perlu dihantar ke Unit Gaji, Bendahari Negeri.

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pembetulan adalah betul. Sekiranya terdapat sebarang bayaran terlebih dilakukan, maka Jabatan ini bertanggungjawab untuk mendapatkan kembali amaun tersebut”.

.....  
(Tandatangan, Nama & Cop Jabatan)

#### 5.1.2 Melalui Baucar Berasingan

- i) Bagi pegawai yang layak tetapi nama tiada di dalam laporan G004, bayaran BKK perlu dibuat melalui baucar berasingan. **Baucar berasingan perlu diluluskan oleh pegawai pelulus di sistem iSPEKS selewat-lewatnya pada 24 Disember 2020 (Khamis)** dan bayaran akan diproses sebelum akhir Disember. Perihal bayaran pada baucar perlu dicatat:- **BKK 2020 – "nama pegawai"**. Contoh: **BKK 2020 – Sallehuddin Bin Aziz.**

### 5.2 Bayaran BKK2 Tahun 2020 – Bayaran kedua iaitu pada tarikh pembayaran gaji Januari 2021:-

#### 5.2.1 Melalui Payroll

- i) Cetak Laporan gaji G004 (Senarai Edit Pembayaran Bonus) di Modul Gaji.

- ii) Semak maklumat pegawai dan amaun bayaran BKK1 dan BKK2. Kemaskini baki amaun yang perlu dibayar.
- iii) Jabatan dikehendaki untuk mengemaskini maklumat bantuan khas di sistem iSPEKS melalui:-
  - Modul Gaji
    - Proses Bonus/Bantuan Khas/Premium/APC
    - Kemaskini Maklumat Bonus/ Bantuan Khas/ Premium/APC
- iv) Kemaskini dengan memastikan nama pegawai yang layak dan amaun yang perlu dibayar. Kelayakan pegawai perlu dirujuk kepada surat edaran JKMM.BPSM.100-1/8/4 Jld.3(11) bertarikh 23 Disember 2020.
- v) Pengemaskinian maklumat perlu dibuat oleh PTJ **selewat-lewatnya pada 19 Januari 2021 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengahari.**
- vi) Cetak Laporan gaji G004 (Senarai Edit Pembayaran Bonus) yang telah diedit 2 salinan dan **disahkan** oleh Ketua Jabatan. Satu salinan untuk simpanan dan semakan PTJ, dan satu salinan perlu dihantar ke Unit Gaji, Bendahari Negeri.

"Disahkan bahawa semua maklumat dan pembetulan adalah betul. Sekiranya terdapat sebarang bayaran terlebih dilakukan, maka Jabatan ini bertanggungjawab untuk mendapatkan kembali amaun tersebut".

.....  
(Tandatangan, Nama & Cop Jabatan)

#### 5.2.2 Melalui Baucar Berasingan

- ii) Bagi pegawai yang layak tetapi nama tiada di dalam laporan G004, bayaran BKK perlu dibuat melalui baucar berasingan. **Baucar berasingan perlu diluluskan oleh pegawai pelulus di sistem iSPEKS selewat-lewatnya pada 22 Januari 2021 (Jumaat).** Perihal bayaran pada baucar perlu dicatat:- **BKK 2020 – "nama pegawai"**. Contoh: **BKK 2020 – Sallehuddin Bin Aziz.**

6. Sebarang bayaran yang tidak layak diterima perlulah dikutip balik dan dibuat pelarasan pada bulan Januari 2021 mengikut arahan berkuatkuasa.

7. Bagi tujuan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 ini, semua jabatan/PTJ dikehendaki menyediakan Kew.8 (manual) dan merekodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai yang berkenaan. Bagi bayaran melalui Baucar berasingan, sila lampirkan salinan Kew.8 dan penyata pengiraan sebagai dokumen sokongan bersama baucar bayaran tersebut. Sebarang kemusykilan mengenai kelayakan penerima BKK perlu dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia mengikut isu yang berbangkit.

8. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berhubung tatacara bayaran di atas, sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-230 7285/298/802**.

Sekian terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NORIFAH BINTI NORDIN)**  
Bendahari Negeri,  
**MELAKA.**

s.k : YB Pegawai Kewangan Negeri

Timbalan Kewangan Negeri